

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mempertimbangkan untuk membeli vaksin Covid-19 berasaskan varian khusus terutama yang mampu melawan varian Omicron.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, bagaimanapun, berkata kementerian belum membuat keputusan bentuk program imunisasi yang akan dilaksanakan sekiranya bercadang menawarkan vaksin itu.

"Kita akan buat keputusan berdasarkan kepada trend epidemiologi jangkitan sedia ada. Kita belum lagi buat keputusan sama ada kita akan menawarkan vaksin untuk

Pertimbang beli vaksin varian khusus

semua atau hanya kepada yang berisiko tinggi sahaja.

"Sekarang ini kita melihat kepada satu program vaksinasi

yang lebih tersasar dan bukan kepada semua," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Persatuan Ubat Generik dan Biosimilar Antarabangsa (IGBA)

Organisasi bagi Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI) 2022 di sini.

Britain pada bulan lalu meluluskan penggunaan vaksin Covid-19 berasaskan varian khusus dengan menggunakan vaksin yang dihasilkan syarikat farmaseutikal Amerika

Syarikat (AS), Moderna, sebagai dos penggalak untuk golongan dewasa.

Sementara itu, Khairy berkata, Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) KKM pada 3 Ogos lalu mengesyorkan pemberian dos penggalak kedua vaksin messenger RNA (mRNA) untuk wanita hamil atau menyusui.

Beliau berkata, saranan itu juga selari dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang turut mengesyorkan pemberian dos penggalak kedua untuk wanita hamil.

Selain itu, Khairy berkata, TWG juga mengesyorkan pemberian dos penggalak pertama untuk kanak-kanak berumur lima hingga bawah

12 tahun; vaksinasi Covid-19 untuk kanak-kanak yang berumur enam bulan hingga lima tahun dan vaksinasi heterologous untuk dos penggalak kedua.

Beliau juga memaklumkan vaksin heterologous dengan vaksin mRNA atau vaksin vektor virus untuk dos penggalak kedua boleh diberikan kepada individu yang berisiko tinggi mendapat penyakit teruk akibat Covid-19.

Sementara itu, mengenai vaksin papilomavirus manusia (HPV), Khairy berkata kementerian bercadang memberi vaksinasi itu kepada pelajar perempuan yang terlepas suntikan HPV pada 2021 dan 2022.



"Kita akan buat keputusan berdasarkan trend epidemiologi jangkitan"
Khairy

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

628 premis biak aedes di Terengganu

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

KUALA TERENGGANU – Sebanyak 628 premis di Terengganu telah dikenakan notis kompaun sejak awal tahun ini berikutan dikesan terlalu kotor hingga menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, pengeluaran notis tersebut akibat pengabaian kebersihan tersebut mengikut Seksyen 8 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

“Jabatan Kesihatan Negeri

Terengganu (JKNT) telah melakukan pemeriksaan terhadap 125,124 premis kediaman dan perniagaan seluruh Terengganu sejak awal Januari lalu.

“Sebanyak 2,206 premis terbabit didapati bekas pembiakan nyamuk Aedes yang boleh menyebabkan berlakunya wabak denggi,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Kasemani berkata, 628 pemilik premis berkenaan telah dikenakan kompaun, manakala selebihnya diberi notis amaran sebagai peringatan.

Jelas beliau, setakat ini, sebanyak 539 kompaun yang dikeluarkan itu telah dilunaskan dengan nilai keseluruhan RM79,850.

“Dalam tempoh sama, JKNT juga melakukan semburan kabus di 119,032 premis dan membunuh jentik-jentik di 52,230 premis dikenalpasti di negeri ini.

“Saya menyeru penduduk setempat agar meluangkan masa 10 minit setiap minggu untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes di sekitar rumah mereka,” jelasnya.



JABATAN Kesihatan Negeri Terengganu telah melakukan semburan kabus di 119,032 premis di seluruh negeri berkenaan sejak awal tahun ini. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA


MUKA SURAT : 11

RUANGAN : DALAM NEGERI

Pelutip muka cegah penyakit lain selain Covid-19

ANTARA PENYAKIT BERKAITAN SISTEM PERNAFASAN:

- » Asma
- » Bronkitis bronkitis akut
- » Emfisema
- » Kanser paru-paru
- » Batuk kering
- » Radang paru-paru (Pneumonia)
- » Influenza (selesema)
- » Faringitis (radang tekak)
- » Penyakit paru-paru kronik (COPD)



KUALA LUMPUR: Orang ramai digalakkan terus memakai pelutip muka dalam bangunan kerana ia bukan sahaja mencegah penularan Covid-19, namun penyakit-penyakit lain yang berisiko menjejaskan saluran pernafasan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Sazaly Abu Bakar berkata, langkah itu disifatkan wajar meskipun kerajaan tidak lagi mewajibkan pemakaian pelutip muka dalam bangunan atau di kawasan tertutup.

"Kita bukan sahaja mahu melindungi diri daripada Covid-19 tetapi juga penyakit lain yang ditularkan melalui pernafasan seperti influenza," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, ramai yang beranggapan negara sudah memasuki fasa endemik dan tidak perlu lagi memakai pelutip muka



ORANG ramai dilihat masih memakai pelutip muka ketika tinjauan di sebuah pasar raya di Subang Jaya semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

tetapi mereka yang bergejala dinasihati terus memakainya.

Mengulas dakwaan orang ramai yang peraturan itu dilihat tidak praktikal apabila kerajaan masih mewajibkan pemakaian

pelutip muka ketika menaiki pengangkutan awam dan kapal terbang, Sazaly berkata, ia disebabkan faktor pengudaraan.

"Dalam bangunan mungkin ada pertukaran udara yang ting-

gi berbanding pengangkutan awam atau bergantung di mana kita berada," katanya.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dalam sidang akhbar kelmarin memaklumkan, pemakaian pelutip muka dalam bangunan tidak lagi diwajibkan mengambil kira situasi Covid-19.

Pemilik premis boleh menentukan sama ada pengunjung wajib memakai atau boleh memilih memakai pelutip muka, namun, ia masih diwajibkan kepada individu bergejala apabila menaiki pengangkutan awam, perkhidmatan seru, kapal terbang, bas kerja dan van sekolah.

Sementara itu, Felo Akademi Profesor Malaysia (APM) juga Profesor Perubatan Komuniti, Prof. Dr. Adlina Suleiman berkata, langkah diambil kerajaan wajar setelah mempertimbang peralihan ke endemik, kadar vaksinasi negara tinggi selain rawatan di hospital dan kadar kematian menurun.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Smoking ban appeal decision on Nov 23

PUTRAJAYA: The Court of Appeal has fixed Nov 23 for its verdict on the appeal by seven persons seeking to quash the Health Ministry's decision to ban smoking in all eateries.

Justice Yaacob Md Sam, leading a three-member panel, said they needed more time to deliberate on the issues raised by counsel in the appeal which were important and of public interest.

The two other judges are Court of Appeal judge M. Gunalan and High Court judge Lim Chong Fong.

The seven – who had set up a society called Persatuan Pertahankan Perokok (PHP) – are appealing against the Oct 29, 2019 decision of the Kuala Lumpur High Court in dismissing their judicial review application for a certiorari order to quash the ministry's decision to ban smoking at eateries.

The seven are Mohd Hanizam Yunus, 55, Zulkifli Mohamad, 60, Mohd Laisani Dollah, 49, Mohd Sufian Awaludin, 38, Ridzuan Muhammad Noor, 56, Mohd Yazid Mohd Yunus, 51, and Yuri Azhar Abdollah, 43.

At the court proceedings conducted online, lawyer Mohamed Haniff Khatri Abdulla, representing the seven, argued that a smoking ban enforced at eateries was unconstitutional, illegal and unreasonable as it was made without proper and thorough research.

He said before the enforcement of the smoking ban at eateries in 2019, smokers in Malaysia could smoke in a special zone provided by owners of airconditioned and non-airconditioned eateries.

"We submit that this situation is more balanced to the rights of smokers as well as non-smokers where non-smoking patrons at eateries can choose to sit at a designated place that prohibits smoking and smokers can smoke in places with the open-air concept," he said.

Senior federal counsel Shamsul Bolhassan, representing the ministry, submitted that banning smoking in eateries was not unreasonable and illegal.

The ministry imposed a ban on smoking at all restaurants and food premises on Jan 1, 2019. — Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Nov 23 verdict on smoking ban appeal

PUTRAJAYA: The Court of Appeal has fixed Nov 23 to give its verdict on the appeal by seven individuals who are seeking to quash a Health Ministry decision to ban smoking at all eateries.

Judge Datuk Yaacob Md Sam, leading a three-member panel, said they needed more time to deliberate the issues raised by counsel in the appeal which were important and of public interest.

The two other judges on the panel are Court of Appeal Judge Datuk M. Gunalan and High Court Judge Datuk Lim Chong Fong.

The seven individuals are appealing against the Oct 29, 2019 decision of the Kuala Lumpur High Court to dismiss their judicial review application to get a certiorari order to quash the Health Ministry decision to ban smoking at eateries.

The seven are Mohd Hanizam Yunus, 55, Zulkifli Mohamad, 60, Mohd Laisani Dollah, 49, Mohd Sufian Awaludin, 38, Ridzuan Muhammad Noor, 56, Mohd Yazid Mohd Yunus, 51, and Yuri Azhar Abdollah, 43.

At the court proceedings conducted online, lawyer Mohamed Haniff Khatri Abdulla, representing the individuals, argued that a smoking ban enforced at eateries was unconstitutional, illegal and unreasonable as it was made without proper and thorough research.

He said before the enforcement of the smoking ban at eateries in 2019, smokers in Malaysia could smoke in special zones provided by owners of air-conditioned and non-air conditioned eateries.

Haniff Khatri said the High Court judge had erred in law and in fact, in deciding that his

clients' rights under Article 5 of the Federal Constitution had not been violated and smokers had not been discriminated against under Article 8 of the Constitution following enforcement of the smoking ban.

Senior federal counsel Shamsul Bolhassan, representing the Health Ministry, submitted that banning smoking in eateries was not unreasonable or illegal.

"The right to smoke is not a fundamental right to livelihood and if individuals choose to smoke, they have to respect the rights of non-smokers and they (smokers) have to move three metres away from the eateries to smoke.

"The law was enacted to ban smoking at eateries after taking into consideration public health and quality of life," he added.
- Bernama